

Mencari Kebahagiaan Yang Hakiki Dalam Hidup



Oleh: Muhammad Iqmal Abd Rahman

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 23 Julai 2021

Semua orang inginkan kebahagiaan dalam kehidupan mereka. Takrifan bahagia sangat subjektif untuk setiap individu.

Ada yang menyatakan bahagia itu jika mempunyai banyak wang. Ada juga yang menyatakan bahagia itu jika dapat mendirikan rumah tangga dan sebagainya.

Pensyarah Kanan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Mohd Shukri Hanapi memberikan makna kebahagiaan dari sudut pandang ahli falsafah terkenal iaitu Plato.

Dalam artikel beliau yang dimuatkan dalam buku bertajuk ‘Ulama’ Tanpa Ilmu’, beliau menyatakan “Plato (429-347SM) misalnya, menyatakan hidup seseorang manusia itu akan menjadi bahagia sekiranya dia mampu menyeimbangkan antara nafsu, kehendak dan akal.”

Dari sudut pandang Islam, kebahagiaan dapat dikecapi jika seseorang itu sentiasa mengingati Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah ar-Ra’d ayat 28 yang bermaksud, “Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah, hati menjadi tenteram.”

Pandangan ini mempunyai hubungan dengan sifat manusia yang suka membandingkan-bandingkan nikmat mereka dengan orang lain. Mereka merasakan apa yang ada pada orang lain, perlu juga ada dalam hidup mereka.

Misalnya, dua orang yang berjiran dalam keadaan seorang daripadanya lebih mewah keretanya daripada yang seorang lagi.

Situasi tersebut dapat menimbulkan rasa iri hati dalam diri orang tersebut dan dia akan selalu merungut untuk mendapatkan kereta yang mewah juga.

Seandainya dia merenung dengan lebih dalam, dia akan mendapati bahawa apa yang dimiliki sudah mencukupi untuk dia meneruskan hidup.


Kalaulah, dia membeli juga kereta mewah tersebut, maka risikonya akan menjadi lebih besar kerana kereta tersebut pasti terancam dengan bahaya iaitu kecurian.

Adalah penting untuk kita menanamkan sifat syukur dalam diri. Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 7 yang bermaksud, “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu memaklumkan, sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan menambah (nikmat) kepadamu, tetapi jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka pasti azab-Ku sangat berat.”

Dari segi yang lain pula, seseorang itu berasa bahagia jika dapat berumah tangga. Siapakah yang tidak bahagia jika disatukan dengan insan yang dicintai?

Siapakah yang tidak bahagia jika perasaan yang dipendam selama bertahun-tahun akhirnya disudahi dengan perkahwinan?

Tidak ada yang tidak bahagia jika situasi tersebut berlaku kepadanya. Malah, hati akan rasa berbunga kerana jalinan cinta sudah terpatери.



Gambar hiasan.

Meskipun perkahwinan dianggap satu cara untuk mendapatkan kebahagiaan, ada juga yang membawa kepada kesengsaraan hidup.

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) menerima sebanyak 1,768 laporan masalah rumah tangga sejak Mac 2020 sehingga Oktober 2020.

Antara punca masalah tersebut adalah kurang sifat bertanggungjawab, penagihan dadah dan kurang motivasi dalam perkahwinan. Perkara ini menunjukkan bahawa perkahwinan juga dapat menimbulkan perkara-perkara negatif seperti yang disebutkan.

Setelah melihat kepada beberapa contoh dan penerangan, dapat kita simpulkan bahawa hakikat kebahagiaan ialah dengan mengingati Allah SWT sebagaimana yang diajarkan di dalam agama Islam.

Orang yang sentiasa mengingati Allah SWT akan sentiasa beroleh ketenangan walaupun berdepan masalah kerana mengetahui bahawa Allah SWT merupakan sebaik-baik pembantu dan Dia akan memberikan jalan penyelesaian terhadap masalah tersebut.

Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah at-Talaq di akhir ayat kedua yang bermaksud, "...dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya)."

Maka dapat difahami bahawa kebahagiaan yang sejati hanya dapat dicapai apabila kita melakukan segala perintah Allah SWT dan pada masa yang sama, meninggalkan segala larangan-Nya.